

11/10/1999

Pembangunan Bandar Sains beri imej baru

SEREMBAN, Ahad - Pembangunan projek Bandar Sains berharga beratus juta ringgit dikenali Enstek di Labu, dekat ini akan memberikan imej baru dan memberi manfaat besar kepada penduduk negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata konsep pembangunan yang dimajukan oleh TH-NSTC Sdn Bhd, anak syarikat Lembaga Tabung Haji, adalah sejajar dengan usaha mempersiapkan negeri ini menempuh persekitaran baru dan cabaran abad baru.

"Oleh itu masyarakat tidak melihat pembangunan Enstek ini bukan semata-mata satu kebanggaan, tetapi mengambil peluang menghayati citra yang disediakan.

"Pembangunan yang dilakukan sebenarnya menetapi konsep negara maju dan Wawasan 2020 yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Satu majlis menandatangani perjanjian antara TH-NSTC untuk mendapatkan pembiayaan Al-Istisna berjumlah RM85 juta daripada Bank Utama (M) Bhd, diadakan di sini, minggu lalu.

TH-NSTC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Badroddin Kassim manakala Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Utama (M) Bhd, Abdullah Mat Noh yang turut dihadiri Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mohd Ali Abdul Samad dan Ketua Pegawai Eksekutif TH-NSTC, Kamarudin Ahmad.

Menteri Besar berkata, sebagai negeri yang hampir dengan kemudahan berteknologi tinggi di Lembah Klang, tentulah rakyat tidak melihat saja pembangunan yang berlaku di sekeliling.

"Bandar ini akan menjadi tumpuan pembangunan teknologi maklumat (IT), pembangunan dan penyelidikan (R&D) selain kompleks komersil," katanya.

(END)